

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 (17 )

Tarikh : 26 Ogos 2016

## **KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)**

Tuan/Puan,

### **PEKELILING MQA BIL. 3/2016**

#### **PENGGUNAAN STANDARD PROGRAM: KEWANGAN (PROGRAMME STANDARDS: FINANCE)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) dengan kerjasama panel standard program yang terdiri daripada ahli akademik, industri, badan profesional dan bukan profesional yang berkaitan telah membangunkan dokumen jaminan kualiti, Standard Program: Kewangan (*Programme Standards: Finance*).

3. Standard program ini dibangunkan berpandukan kepada sembilan (9) bidang jaminan kualiti di Malaysia serta menepati kehendak dan keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF). Selain itu, pembangunan dokumen ini berhasrat untuk membantu dan menjadi pemangkin kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam menjamin kualiti program pengajian di Malaysia.

4. Dokumen ini menggariskan standard minimum pelbagai keperluan khusus bagi program kewangan, perbankan dan insurans sebagai panduan kepada PPT dalam penawaran program pengajian di institusi masing-masing. Ia akan digunakan oleh pegawai dan ahli panel penilai MQA dalam penilaian program kewangan, perbankan dan insurans. Pengamalan proses jaminan kualiti yang tepat, teratur, konsisten dan berpandukan standard program dapat memastikan keseragaman kualiti minimum graduan yang mengikuti program kewangan, perbankan dan insurans di Malaysia.

5. Sehubungan itu, PPT yang menawarkan program dalam bidang kewangan, perbankan dan insurans adalah tertakluk kepada penggunaan Standard Program: Kewangan dalam menyediakan dokumen permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi. Sekiranya terdapat perbezaan antara standard program ini

dengan standard program yang lebih khusus atau dengan syarat terdahulu yang ditetapkan oleh MQA atau kementerian, maka standard yang lebih tinggi adalah terpakai. Dokumen ini perlu dibaca bersama dengan dokumen Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF), Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation*, COPPA), Kod Amalan Audit Institusi (*Code of Practice for Institutional Audit*, COPIA) dan dasar pengajian tinggi semasa. Walau bagaimanapun, PPT juga boleh menambah elemen-elemen yang bersesuaian bagi memastikan kapasiti program selaras dengan keperluan nasional dan antarabangsa.

6. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap Standard Program: Kewangan adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH	PERKARA
1.	1 September 2016 sehingga 31 Ogos 2017	Tempoh transisi bagi semua <b>program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi</b> untuk mematuhi standard program.
2.	1 April 2017	Pengambilan pelajar bagi semua <b>program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi</b> perlu mematuhi syarat kelayakan masuk berdasarkan standard program.
3.	1 April 2017	Semua <b>program baharu yang memohon Akreditasi Sementara</b> perlu mematuhi standard program.

7. Standard Program: Kewangan boleh dimuat turun di laman web MQA, [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang ikhlas,



**(DATO' PROF. DR. RUJHAN BIN MUSTAFA)**

Emel: [mrujhan@mqa.gov.my](mailto:mrujhan@mqa.gov.my)

Tel: +603-7968 7002



s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha  
Pejabat Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 17, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
  
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 9, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
  
3. YBhg. Ketua Pengarah  
Jabatan Pendidikan Politeknik  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w  
Persiaran Perdana, Presint 4  
**62100 W.P. PUTRAJAYA**
  
4. YBhg. Ketua Pengarah  
Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4w  
Persiaran Perdana, Presint 4  
**62100 W.P. PUTRAJAYA**
  
5. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi  
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 18, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
  
6. SUSK YB Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi  
Pejabat Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 17, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**

7. Ketua Eksekutif  
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)  
Tingkat Bawah, Menara PTPTN  
Blok D, Megan Avenue II  
No.12, Jalan Yap Kwan Seng  
**50450 W.P. KUALA LUMPUR**
  
8. Ketua Eksekutif  
Education Malaysia Global Services (EMGS)  
Tingkat 20, Menara TA One  
22 Jalan P Ramlee  
**50250 W.P. KUALA LUMPUR**